

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang

Bersuci merupakan perkara asas yang wajib diketahui oleh setiap umat Islam. Ini kerana bersuci memiliki kedudukan yang paling utama dalam ibadah. Sekiranya seorang Muslim dapat memahami dan menjalankannya dengan baik maka ibadah yang bakal dilaksanakan juga akan lebih baik.

Taharah menurut bahasa bermaksud bersih daripada kekotoran sama ada *hissi* (*hakiki*) atau *maknawi*. Manakala, dari sudut istilah pula ialah mengangkat hadas dengan menggunakan air atau tanah yang suci dan dibenarkan, sehingga hilang najis dan kekotoran tersebut. Oleh itu, bersuci bermaksud menghilangkan sifat najis pada anggota badan yang boleh menghalang sahnya ibadah seperti solat dan sebagainya (Al-Qahtaniyy, 2003).

Perbuatan menjaga kebersihan dalam Islam dianggap sebagai sebahagian daripada iman (Mustafa Al-Khin et al., 1992). Hal ini dibuktikan dalam hadis Rasulullah SAW:

{ الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ }

Maksudnya: “Bersuci itu adalah antara ciri-ciri keimanan”.

(Hadis. Muslim. Kitab Al- Taharah: Bab Fasl Al-Wudu<sup>c</sup> Min Ghayr  
Dhikr Salat Ba<sup>c</sup>dah. No.223)

Berdasarkan kitab tersebut juga telah dinyatakan beberapa hikmah pensyariatian hukum kebersihan antaranya ialah bersuci merupakan tuntutan fitrah manusia kerana secara semula jadinya manusia menyukai perkara-perkara yang bersih dan tidak suka kepada kekotoran, memelihara kemuliaan dan kehebatan individu Muslim, memelihara kesihatan diri, menghindarkan penyakit serta yang paling utama ialah menunaikan ibadah di hadapan Allah SWT dalam keadaan jasmani dan rohani yang bersih. Jenis kebersihan pula terbahagi kepada dua iaitu bersih daripada najis dan bersih daripada hadas (Mustafa Al-Khin et al., 2011).

Di dalam kitab fiqah *Mughniyy al-Muhtaj*, najis terbahagi kepada tiga jenis iaitu najis *mughallazah* (najis berat), najis *mukhaffafah* (najis ringan) dan najis *mutawassitah* (najis pertengahan). Najis *mughallazah* ialah najis yang terdiri daripada anjing dan babi serta apa yang lahir daripada keduanya (Al-Shirbiniyy, 1994). Proses untuk membersihkan najis *mughallazah* dinamakan sebagai *sertu* dalam Bahasa Melayu atau *ghasal al-najasah al-mughallazah* dalam Bahasa Arab.

*Sertu* ertinya menyucikan anggota badan, pakaian, tempat, perkakasan dan peralatan yang bersentuhan dengan najis *mughallazah* iaitu anjing, babi dan keturunannya dengan membasuhnya sebanyak tujuh kali, salah satunya dengan air yang bercampur tanah. Basuhan air yang pertama hendaklah dicampur dengan tanah kemudian diikuti dengan enam kali basuhan menggunakan air mutlak atau air bersih yang lain (MPPHPM, 2020).

Pada masa kini *sertu* telah dilihat sebagai salah satu keperluan kerana terdapat banyak isu yang timbul melibatkan pencemaran dengan najis *mughallazah*. Tambahan

pula, Malaysia merupakan negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum antara isi-isu yang timbul adalah pada tahun 2015 Tesco Malaysia terpaksa memanggil Ahli Jawantankuasa (AJK) Masjid Jamek Kampung Plentong Baru untuk menyertu lebih 200 buah troli. Ia berikutan dua orang pengunjungnya bertindak membawa masuk seekor anjing ke dalam pasar raya Tesco Extra Plentong, yang kemudiannya kencing di atas salah satu troli tersebut (Kosmo, 2015). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa sertu merupakan proses yang sangat penting kerana isu yang melibatkan pencemaran produk atau premis dengan najis *mughallazah* merupakan perkara yang sangat sensitif bagi umat Islam sehingga pihak syarikat mengarahkan untuk membersihkan kesemua troli bagi memastikan kesemua troli tidak tercemar dengan najis tersebut.

Justeru itu, kajian ini akan tertumpu kepada syarikat Global Dibagh Sdn Bhd kerana ia merupakan salah satu syarikat perdagangan am yang menyediakan perkhidmatan sertu kepada kesemua jenis perindustrian sepertimana yang terdapat dalam skim persijilan halal Malaysia. Bukan itu sahaja, syarikat ini juga diyakini kerana telah memiliki pengalaman selama 12 tahun dalam industri sertu.

Kajian ini akan dijalankan untuk melihat bagaimanakah amalan sertu dijalankan dan apakah isu-isu yang timbul di Syarikat Global Dibagh Sdn Bhd. Kajian ini juga merangkumi sertu dari sudut fiqah dan sertu menurut perundangan halal di Malaysia. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai penambahbaik garis panduan sertu dan rujukan kepada para penyelidik, pemain industri yang terlibat dengan sertu dan juga orang awam umumnya.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Di Malaysia industri sertu pada masa kini menjadi isu yang sering diperkatakan kerana permintaan terhadap perkhidmatan sertu semakin meningkat lantaran perkembangan pesat dalam industri halal. Perkara ini berlaku kerana perkembangan industri halal di peringkat domestik dan global secara tidak langsung memancu permintaan terhadap perkhidmatan sertu (Salleh et al., 2020).

Namun, timbul beberapa isu kerana kaedah sertu yang lazimnya dilakukan secara tradisional ada kalanya tidak sesuai dipraktikkan pada sesetengah industri kerana proses sertu yang ditetapkan oleh Syarak sebenarnya sedikit berbeza dengan apa yang diamalkan dalam industri halal ketika ini. Sebagai contoh, isu yang terdapat dalam Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu melibatkan kilang yang mempunyai alat-alatan kompleks dan peralatan yang sensitif terhadap air dan tanah seperti bahagian *operational line* iaitu *belt conveying*, kontena, tangki, saluran paip dan sebagai.

Semua peralatan di atas memerlukan kepada kaedah inovasi seperti kaedah semburan, lap dan lain-lain yang bersesuaian untuk di amalkan bagi mengelakkan berlakunya kerosakan pada peralatan tersebut. Namun, jika melihat kepada saranan baginda Rasulullah SAW, sertu hendaklah dilakukan dengan kaedah basuhan iaitu menggunakan air tanah tanpa dikhususkan jenis-jenis tanah tertentu (Mustafa Al-Khin et al., 2020).

Bukan itu sahaja, penambahan skim persijilan halal yang telah ditetapkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 turut mempengaruhi kaedah sertu sedia ada. Ini kerana perkembangan tersebut telah menimbulkan kesukaran bagi pihak perkhidmatan sertu dan syarikat industri untuk mengamalkan proses sertu. Perkara ini telah dibuktikan menurut dapatan kajian yang telah diperolehi oleh Sumaiyah et al., (2021) iaitu garis panduan sertu sedia ada adalah bersifat umum dan tidak spesifik kepada keperluan industri-industri tertentu.

Dalam keadaan ini, sudah tentu sertu perlu dilakukan dengan berhati-hati mengikut kaedah khusus menggunakan peralatan serta teknologi sertu yang lebih canggih dan sesuai. Ini bagi memastikan tuntutan ibadah sertu dapat dilaksanakan dengan baik. Di samping membuang gambaran negatif masyarakat terhadap mentaliti yang beranggapan Islam itu menyusahkan.

Oleh itu, kajian yang lebih terperinci akan diperlukan bagi mengetahui secara jelas jurang kajian yang menyatakan tentang garis panduan sedia ada bersifat umum dan tidak spesifik. Justeru itu, kajian ini akan tertumpu kepada amalan sertu yang dilaksanakan oleh Global Dibagh Sdn Bhd serta menganalisis isu-isu yang timbul berkaitan dengan kaedah sertu yang diamalkan. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan mengenalpasti sertu dari sudut fiqah dan menurut perundangan halal di Malaysia. Hasil kajian akan dirumuskan melalui cadangan penambahbaikan terhadap amalan sertu industri di Malaysia.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Antara persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah maksud dan kaedah sertu menurut pandang empat mazhab dan perundangan halal di Malaysia?
2. Bagaimanakah amalan sertu industri yang dilakukan oleh syarikat Global Dibagh Sdn Bhd dan apakah isu-isu yang timbul daripadanya?
3. Apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam amalan sertu industri di Malaysia?

### **1.4 Objektif Kajian**

Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti maksud dan kaedah sertu menurut pandangan empat mazhab dan perundangan halal di Malaysia.
2. Mengkaji amalan sertu industri yang dilakukan oleh syarikat Global Dibagh Sdn Bhd serta menganalisis isu-isu yang timbul daripadanya.
3. Mencadangkan penambahbaikan terhadap amalan sertu industri di Malaysia.

### **1.5 Metodologi Kajian**

Menurut Igwenagu (2016), metodologi penyelidikan adalah satu set teknik sistematik yang digunakan dalam penyelidikan. Perkara ini bermaksud metodologi kajian merupakan satu panduan penyelidikan dan menunjukkan cara bagaimana ia dijalankan. Ia juga menerangkan dan menganalisis kaedah penyelidikan, memberikan lebih banyak

keterangan mengenai skop dan sumber kajian, menjelaskan kesan dan akibat yang berhubung dengan kajian yang dilaksanakan. Oleh itu, aspek yang diketengahkan dalam metodologi kajian ini adalah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data kajian, dan tatacara penganalisan data. Maklumat terperinci akan dihuraikan secara lanjut dalam sub topik ini.

### **1.5.1 Reka Bentuk Kajian**


Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian berbentuk kualitatif. Metode kualitatif boleh didefinisikan sebagai kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi.

Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah Hamzah, 2010).

Kaedah kualitatif dipilih bagi kajian ini bertujuan untuk memudahkan maklumat dikumpul dan diperolehi. Ini kerana pendekatan bagi kajian ini lebih tertumpu kepada proses pengumpulan data menerusi analisis dokumen dan mendapatkan maklumat secara

terus melalui kaedah pemerhatian dan temu bual. Ini bagi memastikan data yang dikumpul mencukupi dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Bagi mengenal pasti kebolehpercayaan dan status data yang konsisten tanpa ragu-ragu, kaedah triangulasi akan digunakan iaitu dengan mengabungkan data dari temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sepertimana gambar rajah di bawah:



Sumber: Chua Yan Piaw (2006)

**Gambar Rajah 1.1:** Kaedah Pengumpulan Data

Berdasarkan rajah di atas reka bentuk triangulasi ini menggunakan temu bual sebagai instrumen kajian utama dan menjadikan pemerhatian dan analisis dokumen sebagai sokongan kepada hasil kajian yang diperolehi daripada instrumen utama. Menurut Chua Yan Piaw (2006), kaedah triangulasi boleh dilihat sebagai sebuah arca dari pelbagai sudut yang berbeza untuk mendapat gambaran keseluruhan secara jelas mengenai bentuk arca tersebut. Pengkaji akan lebih berasa yakin jika mendapat jawapan lebih dari satu cara yang berbeza.

### **1.5.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini menggunakan tiga kaedah iaitu:

#### **a) Analisis Dokumen**

Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis dokumen yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009).

Objektif kajian menggunakan kaedah analisis dokumen adalah untuk memahami secara lebih dekat teori tertentu menurut Syarak yang berkaitan dengan maksud, syarat dan cara tertentu berdasarkan mazhab empat yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh. Sebagai contoh, sumber primer sama ada dalam disiplin fiqh, usul fiqh, tafsir, hadis dan seumpamanya. Seterusnya, rujukan juga diambil dari sumber sekunder yang terdiri daripada buku, jurnal, majalah, bibliografi, kertas-kertas kerja seminar, akhbar dan sebagainya untuk mengetahui pandangan para sarjana Islam kontemporari terhadap kajian yang dibincangkan.

Penyelidik menggunakan kaedah ini untuk memastikan maklumat yang dikumpul relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan sedia ada. Kesimpulannya, tiga kaedah ini saling berkaitan antara satu sama lain untuk meningkatkan kesahan dapatan kajian.

Perkara ini dapat meningkatkan kepercayaan pembaca berkaitan dengan data yang telah dikumpul kerana melalui proses verifikasi data dengan pakar melalui temubual.

#### **b) Temu Bual**

Penyelidik menggunakan kaedah temu bual untuk mengumpulkan maklumat berkenaan dengan kajian ini. Menurut Denzin (2001), temu bual harus digunakan lebih daripada hanya sebagai alat pengumpulan maklumat temu bual perlu bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai sesuatu fenomena. Temu bual dikategori kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak bersruktur (Chua Yan Piaw, 2014).

Kajian ini akan menggunakan kaedah temu bual semi-struktur bagi membolehkan soalan disusun semula semasa sesi temu bual dan soalan boleh ditambah atau dikurang. Kaedah ini memudahkan pengkaji untuk bertanyakan soalan dengan lebih menyeluruh dan memastikan maklumat yang diperoleh lebih terperinci.

Teknik persampelan telah dilaksanakan bertujuan untuk memastikan peserta kajian yang dipilih relevan dengan objektif kajian. Kriteria yang dipilih adalah berdasarkan:

- a) Menyediakan perkhidmatan sertu kepada kesemua skim persijilan halal Malaysia.
- b) Mengetahui secara terperinci berkenaan manual prosedur yang berkaitan dengan persijilan halal Malaysia.
- c) Individu yang berautoriti dalam mengendalikan proses sertu di Malaysia.
- d) Individu yang menjadi wakil dari pemain industri yang menggunakan perkhidmatan sertu.

Kajian ini telah memilih empat peserta kajian iaitu dua peserta adalah dari Global Dibagh Sdn Bhd. Manakala, seorang daripada wakil daripada syarikat pemerhatian iaitu Farmaseutikal U dan seorang peserta dari pihak berkuasa berwibawa agama.

**Jadual 1.1:** Butiran Peserta

No	Nama	Jawatan	Nama Syarikat	Tugasan	Pengalaman
1	<b>Encik Muhammad Azri</b>	Pengarah Urusan	Global Dibagh Sdn Bhd	Menyediakan perkhidmatan sertu	12 tahun
2	<b>Encik Majid</b>	Pekerja	Global Dibagh Sdn Bhd	Melaksanakan perkhidmatan sertu	12 tahun
3	<b>Encik Ahmad</b>	Penolong Pengarah unit Persijilan Halal	Jabatan Agama Islam Negeri	Pemantauan dan pengesahan proses sertu	-
4	<b>Puan Munira</b>	Jaminan Kualiti (QA)	Syarikat Farmaseutikal U	Syarikat yang menggunakan perkhidmatan sertu	-

Sumber: Temu Bual

Soalan temu bual terhasil apabila membahagikan soalan tersebut kepada beberapa aspek utama yang pertama adalah bahan yang digunakan untuk sertu, proses sertu yang diamalkan oleh industri, individu yang terlibat dalam proses sertu dan yang terakhir isu-isu yang timbul berkaitan dengan proses sertu.

### c) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah pemerhatian secara terus (*direct observation*) ini melibatkan pemerhatian secara langsung. Teknik ini biasanya tidak melibatkan komunikasi dengan manusia. Metodologi ini digunakan bagi mendapatkan data yang lebih kukuh kerana garis panduan yang jelas dan khusus mengenai sasaran pemerhatian diperlukan agar pemerhatian terarah dan fokus. Batasan ini harus sejajar dengan tujuan dan masalah kajian, dan harus menentukan apa yang perlu dijelaskan dan fakta yang akan digunakan untuk penjelasan (Bachtiar, 1985).

Kajian ini memilih syarikat Farmaseutikal U Sdn Bhd kerana ia dapat membantu memantapkan lagi data kajian kerana industri farmaseutikal mempunyai peralatan yang sensitif terhadap air dan tanah dan memerlukan kepada proses sertu yang bersesuaian berbanding dengan syarikat perindustrian yang lain. Jika tidak ia boleh merosakkan peranti berubatan yang terdapat dalam industri tersebut semasa proses sertu dijalankan. Bukan itu sahaja, syarikat farmaseutikal yang mengeluarkan ubat-ubatan ini perlu mengawal suhu dan suasana kawasan pengeluaran agar sentiasa tertutup dengan kawalan tekanan air dan udara yang tepat (Sumaiyah, 2021).

Pemerhatian ini telah dilaksanakan pada 1 oktober 2022 pada 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Tujuan pelaksanaan sertu di syarikat Farmaseutikal U Sdn Bhd adalah kerana

pencemaran silang yang berlaku di lokasi *Solid Production Plant* yang melibatkan beberapa mesin dan peranti perubatan yang perlu disertai antaranya ialah:

1. *Granulation*
2. *Mixing*
3. *Filem coating*
4. *Tableting*
  - *Punch and die*
5. *Capsule filling*
6. *Powder filling*
7. *Blister filling*

Punca pencemaran silang ini berlaku adalah disebabkan oleh penggunaan media kultur yang tidak halal di kawasan pengeluaran.

Kultur media tidak halal:

**Jadual 1.2:** Media Kultur

<b>Aktiviti</b>	<b>Media Kultur</b>
<i>Surface Swab Monitoring</i>	<i>Peptone from Meat</i>
<i>Contact Plate Monitoring</i>	<i>Tryptic Soy Agar with Polylobate 80 (TSA P80)</i>
<i>Settle Plate</i>	<i>Tryptic Soy Agar (TSA)</i>

Sumber: Temu Bual

Sertu ini juga merupakan langkah berhati-hati pihak syarikat bagi memastikan mesin dan peranti perubatan mereka bersih dan suci daripada sebarang najis *mughallazah* (anjing dan babi).

Pengumpulan data dalam pemerhatian ini direkodkan. Perkara ini bertujuan untuk memastikan kaedah sertu yang dilaksanakan selari atau tidak dengan garis panduan sertu yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

### **1.5.2 Teknik Analisis Data**

Analisis data dalam bab ini adalah dengan mengumpulkan data primer dan sekunder. Sumber primer ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan temu bual. Sumber sekunder pula ialah sumber yang diambil dari dua data iaitu antara pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian ini telah menggunakan kaedah berikut untuk menganalisis data:

#### **a) Deduktif**

Deduktif ialah proses penaakulan daripada yang umum kepada yang khusus (C.George Thomas, 2021). Kajian ini menggumpulkan data teori terlebih dahulu kemudian menguji implikasinya dengan data temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Sepertimana analisis data dalam kajian ini adalah dengan melihat kepada perkara yang terdapat dalam buku garis panduan sertu dan mengambil kira isu-isu yang terdapat dalam artikel dan jurnal. Kemudian membina rangka soalan temu bual berdasarkan analisis data tersebut. Hasil kajian akan dikelaskan berdasarkan tema yang telah diperolehi daripada hasil temu bual dan data akan dikukuhkan lagi dengan pemerhatian dan analisis dokumen.

Hasil kajian akan menjelaskan tentang kaedah-kaedah sertu yang diamalkan oleh syarikat Global Dibagh Sdn Bhd dan isu-isu yang timbul daripadanya.

## **1.6 Skop Kajian**

Tujuan umum kajian ini adalah untuk mengkaji amalan sertu yang dijalankan di Syarikat Global Dibagh Sdn Bhd. Bukan itu sahaja, kajian ini juga merangkumi sertu dari sudut fiqah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Rujukan kajian ini terdiri daripada kitab fiqah, fatwa, garis panduan, buku, artikel, jurnal dan lain-lain bagi membincangkan topik dan teori berkenaan dengan kaedah sertu menurut fiqah dan industri di Malaysia.

Lokasi penyelidikan ialah di Global Dibagh Sdn Bhd, syarikat ini telah berpusat di Kajang dan Bangi, Malaysia. Bukan itu sahaja, Global Dibagh Sdn Bhd dipilih menjadi sumber utama bagi kajian ini kerana syarikat tersebut merupakan salah satu syarikat yang menyediakan perkhidmatan sertu kepada semua skim persijilan halal Malaysia dan berpengalaman selama 12 tahun.

Selanjutnya, pada tahun 2015 Global Dibagh Sdn Bhd telah menjadi salah satu panel yang dilantik oleh Jabatan Pembangunan dan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk membangun dan menyiapkan modul latihan berkemahiran jurusertu kompeten sejak daripada itu Global Dibagh telah menjadi rujukan bagi pembangunan dan konten halal Malaysia khususnya dalam bidang sertu.

Seterusnya, Global Dibagh Sdn Bhd turut melakukan penyelidikan dan pembangunan (RND) dengan beberapa institusi iaitu:

1. *Malaysia Palm Oil Board* (MPOB).
2. *International Institute for Halal Research and Training* (INHART), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
3. Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM).
4. Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kerjasama ini bertujuan untuk menghasilkan produk sertu dan teknologi yang bersangkutan dengan sertu. Secara tidak langsung, produk yang dihasilkan ini mempunyai nilai komersial yang sangat baik khususnya dalam industri qualiti halal Malaysia dan global.

Oleh sebab itu, syarikat Global Dibagh Sdn Bhd menjadi sasaran utama bagi kajian ini bagi menggumpulkan data secara lebih terperinci berkenaan dengan proses sertu yang menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan melihat kepada isu-isu yang timbul dalam syarikat tersebut. Kajian ini secara tidak langsung dapat memberi solusi kepada industri halal yang lain dalam memastikan proses sertu yang dijalankan benar-benar bertepatan dengan syariat Islam. Akhirnya, hasil kajian ini dapat memberi cadangan untuk meningkatkan amalan sertu industri di Malaysia.

## 1.7 Kajian Lepas

Kajian ini mendapati terdapat beberapa kajian lepas yang hampir dengan kajian ini:

### 1.7.1 Sertu Menurut Fiqah

Najis *mughallazah* adalah najis berat iaitu anjing dan babi. Cara menyucikan najis ini adalah dengan menggunakan air sebanyak tujuh kali, dan satu daripadanya adalah dengan air tanah (Mustafa Al-Khin et al., 2011). Hukum sertu didasarkan kepada beberapa dalil, antaranya hadis yang menyatakan keperluan mencuci bekas yang dijilat oleh anjing dengan tujuh kali basuhan, termasuk salah satu basuhan menggunakan air tanah. Hadis ini direkodkan oleh Imam Muslim dalam Sahihnya seperti berikut:

{ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: طَهَّرُوا إِنَاءَ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَاهُنَّ بِالْتُّرَابِ }

Maksudnya: “Daripada Abu Hurayrah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: “Apabila bekas salah seorang daripada kamu dijilat oleh anjing, maka untuk menyucikan hendaklah dibasuh tujuh kali, basuhan pertamanya dengan tanah”.

(Hadis. Muslim. Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb. No 279)

Selain itu, dalam hadis yang lain Rasulullah SAW mengarahkan supaya air yang berada dalam bekas yang telah dijilat oleh anjing dibuang dan selepas itu bekas tersebut mestilah dibasuh dengan tujuh kali basuhan. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurayrah

sepertimana berikut:

{ إِذَا وَلَعَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ فَلْيُرْفُهُ ثُمَّ لِيَعْسَلَهُ سَبْعَ مَرَارٍ }

Maksudnya: “Apabila anjing menjilat bekas minuman salah seorang daripada kamu, maka hendaklah buang air yang ada di dalam bekas itu, kemudian hendaklah dibasuh tujuh kali”.

(Hadis. Muslim. Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb. No 279)

Berdasarkan nas hadis di atas, jelas menunjukkan baginda Rasulullah SAW tidak menyatakan secara spesifik mengenai jenis tanah yang perlu digunakan. Justeru itu, perkara ini kekal dalam hukumnya yang umum, iaitu bermaksud boleh menggunakan apa sahaja jenis tanah asalkan tidak dicemari dengan najis.

Definisi *turab* (tanah) dalam Bahasa Arab membawa maksud bahagian tanah yang lembut pada permukaan bumi (Abdul Ghani, t.th). Berdasarkan hadis sahih al-Bukhari yang menjelaskan tentang tanah yang digunakan untuk tanyamum iaitu:

{ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ فَقَالَ: إِنِّي أَجْنَبْتُ فَلَمْ أُصِبِ الْمَاءَ فَقَالَ عِمَارُ بْنُ يَاسِرٍ

لِعَمْرِ بْنِ الْخَطَّابِ أَمَا تَذْكُرُ أَنَا كُنَّا فِي سَفَرٍ أَنَا وَأَنْتَ فَأَمَّا أَنْتَ فَلَمْ تُصَلِّ وَأَمَّا أَنَا فَنَمَعَكَ

فَصَلَيْتَ فَذَكَرْتَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا كَانَ

يَكْفِيكَ هَكَذَا فَضَرَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَفِيهِ الْأَرْضَ وَنَفَخَ فِيهِمَا ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا

وَجْهَهُ وَكَفَّيْهِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَلِمُسْلِمٍ نَحْوَهُ وَفِيهِ قَالَ: إِذَا يَكْفَيْكَ أَنْ تَضْرِبَ بِيَدَيْكَ الْأَرْضَ

ثُمَّ تَنْفِخَ ثُمَّ تَمْسَحَ بِمَا وَجْهَكَ وَكَفَيْكَ}

Maksudnya: “Seorang lelaki datang kepada Umar bin al-Khattab lalu berkata: Aku berjunub dan aku tidak mendapati air. Maka berkatalah Ammar bin Yasir kepada Umar bin al-Khattab: Tidakkah kamu ingat ketika aku dan kamu di dalam perjalanan. Ketika itu, kamu tidak mengerjakan solat sedangkan aku berguling di atas tanah lalu solat. Kemudian hal ini diceritakan kepada Rasulullah SAW lalu baginda Rasulullah SAW bersabda: “Sebenarnya cukup bagi kamu melakukan begini”. Rasulullah SAW menepuk dengan dua tapak tangannya ke tanah dan meniupnya lalu menyapu kedua tapak tangan tersebut di muka dan kedua pergelangan tangannya”.

(Hadis. Sahih al-Bukhari. Kitab al-Tayammum. Bab Almutayammim Hal Yanfukh Fihima. No 338)

Telah berkata Ammar bin Yasir kepada Umar bin al-Khattab:

{تَمَعَكْتُ فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ "يَكْفِيكَ الْوَجْهُ وَالْكَفَّانِ"}

Maksudnya: “Aku telah berguling lalu aku mendatangi Rasulullah SAW. Maka Rasulullah SAW bersabda: Cukup bagi kamu wajah dan dua tangan”.

(Hadis. Sahih Al- Bukhari. Kitab Al-Tayammum. Bab al-Tayammum  
al-Lilwajh Wa al-kaffany. No 341)

Berdasarkan Irsyad Al-Fatwa (2017) siri ke 176 tentang jenis dan kaedah tanah sertu dalam kedua hadis di atas, telah difahami bahawa tanah yang dimaksudkan di dalam hadis adalah di bahagian atas permukaan bumi. Ini kerana, di dalam hadis tidak diisyaratkan bahawa Rasulullah SAW memerintahkan sahabat agar menggali permukaan bumi bagi mendapatkan tanah untuk bersuci. Selain itu juga, melihat kepada perbuatan Ammar bin Yasir sudah jelas bahawa beliau berguling di atas permukaan bumi dan Rasulullah SAW tidak menegurnya bahawa tanah yang digunakan itu adalah tidak sah digunakan untuk bersuci.

Walaubagaimanapun, dalam konteks masa kini, terdapat keperluan supaya diwujudkan standard tanah yang ingin digunakan untuk menyertu, kerana ada sesetengah peralatan yang sensitif dengan penggunaan tanah biasa. Namun, perkara diatas telah dibincangkan dalam Irsyad Al-Fatwa (2006) berkenaan “Hukum Melakukan Sertu Najis *Mughallazah* Menggunakan Sabun Tanah Liat”. Hukumnya harus tetapi dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah sertu tersebut dilakukan mengikut Syarak.

Selanjutnya, hukum berkaitan dengan kenajisan anjing dan babi. Perkara ini telah dijelaskan pada firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah SWT hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi*”.

(Al-Quran. Al- Baqarah 2:173)

Menurut Al-Qurtubiyy (2006) pada ayat ini Allah SWT mengharamkan memakan daging babi, maka sebutan daging di sini telah mencakupi nama daging beserta dengan lemaknya kerana lemak termasuk kepada sebutan daging.

Seterusnya, dalam surah Al-An'am ayat 145 berkaitan dengan hukum pengharaman babi:

﴿قُلْ لَا أُجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا  
أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ  
رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya: *Katakantah, “Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya semua itu kotor atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah SWT. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*

(Al-Quran. Al-An'am 8:145)

Menurut Al-Qurtubiyy (2006) firman Allah SWT قُلْ لَا أُجِدُّ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا

Katalanlah, tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan. Menjelaskan bahwa Allah SWT pada ayat ini menerangkan tentang apa yang Dia haramkan. Makna ayat tersebut adalah katakanlah wahai Muhammad “Aku tidak menemukan apa yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan kecuali hal-hal yang disebutkan dalam ayat tersebut.

Namun, para ulama berbeza pendapat dalam menetapkan hukum tentang kenajisan anjing menurut mazhab Syafi'iy iaitu “ketahuilah, tidak ada perbezaan di kalangan kami antara jilatan anjing dengan anggota-anggota badan anjing lain. Apabila terkena kencingnya, najisnya, darahnya, peluhnya, bulunya, air liurnya atau mana-mana anggota dari anggota badannya yang bersih ketika ia sedang berada pada keadaan apa sekalipun, maka wajib membasuhnya dengan tujuh kali basuhan dan salah satu daripadanya adalah tanah” (Al-Nawawiyy, 1994).

Mazhab Hanafiyy telah menyatakan bahawa anjing bukanlah najis pada *‘ain* (badannya). Seorang ulama dalam mazhab Hanafiyy bernama Badr al-Din al-*‘Ayniyy* berkata:

Maksudnya: “Ulama mazhab hanafiyy telah berselisih pandangan berkenaan anjing, apakah ia najis pada *‘ain* (dirinya) seperti babi atau tidak. Pendapat yang paling sahih, ia tidak najis pada *‘ain* (dirinya)” (Al-*‘Ainiyy* et al., 2000).

Mazhab Malikiyy berpendapat anjing tidak najis sama ada yang boleh digunakan sebagai penjaga dan buruan ataupun yang tidak boleh kecuali kekotorannya (tahi) yang

dianggap *mutawassitah*. Perkara ini berdasarkan dalil bahawa anjing itu tidak najis adalah merujuk kepada berdasarkan firman Allah SWT:

﴿فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ﴾

Maksudnya: “Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untuk mu”.

(Al-Quran. Al-Ma’idah 6:4)

Ini kerana, jika anjing itu najis, maka Allah SWT akan memerintahkan untuk membasuh apa yang telah ditangkapnya untuk tuannya (Al-Saqilliyy, 2013).

Hukum kenajisan anjing dan babi dalam mazhab Hanbaliyy adalah sama dengan mazhab Syafi’iyy iaitu tidak dimaafkan dan anjing dianggap najis secara keseluruhannya. Perkara ini telah dinyatakan oleh Al-Buhutiyy (1993) iaitu membasuh tujuh kali basuhan pada najis anjing, najis babi, atau yang lahir daripada keturunannya atau yang lahir salah satu daripadanya iaitu anjing dan babi, Seterusnya, hendaklah salah satu basuhan lagi dengan tanah yang menyucikan.

Kesimpulannya, berdasarkan kitab fiqah dan fatwa di atas jelas menerangkan tentang maksud, hukum, jenis najis *mughallazah* berdasarkan pandangan setiap mazhab. Oleh itu, kajian ini akan menyempurnakan lagi hasil dapatan kajian dengan menyatakan secara terperinci kaedah serti dari sudut fiqah dan industri di Malaysia. Hal ini agar cadangan penambahbaikan garis panduan selari dan tidak bertentangan dengan apa yang telah ditetapkan oleh Syarak.

### 1.7.2 Sertu dalam Industri di Malaysia

Tuan Sidek T. M. dan Ridzwan Ahmad (2018) telah menulis artikel yang bertajuk “Aplikasi Najis *Mughallazah* dalam Penetapan Halal Semasa di Malaysia Menurut Perspektif Maqasid Al-Shariah”. Terdapat khilaf dalam pelbagai mazhab dalam penetapan anjing dan babi sebagai najis *mughallazah*. Jadi penulisan ini dikemukakan untuk menilai sejauh mana kesesuaian aplikasi najis *mughallazah* mengikut pendapat fiqah Shafi’iyy dalam konteks semasa khususnya dalam penetapan halal di Malaysia. Penilaian dibuat berpandukan kepada pencapaian *maqasid syariah* iaitu pengukuran berdasarkan pencapaian matlamat Syarak dalam memelihara *maslahah* dan penolakan terhadap *mafsadah*. Kelebihan kajian ini adalah menerangkan maklumat dari sudut fiqah iaitu perbezaan pandangan empat mazhab dalam penggunaan istilah najis *mughallazah*. Seterusnya, khilaf pada kenajisan anjing, babi dan anggotanya. Akhir sekali, khilaf pada kaedah basuhan. Namun, kajian ini hanya membincangkan perkara berkaitan najis *mughallazah* sahaja tanpa tertumpu kepada kaedah pengaplikasian dalam industri sertu pada masa kini. Jadi kajian ini akan melengkapkan jurang kajian tersebut dengan menfokuskan juga pada sertu dalam industri.

Norrahimah et al., (2021) dalam artikel yang bertajuk “*New Approach of Sertu Clay Usage for Halal Industry Requirement*” mengkaji tentang penggunaan tanah liat yang bersesuaian dengan kehendak industri halal semasa proses sertu. Kajian ini dijalankan dengan melihat kepada pertama, pH iaitu mestilah pada tahap berasid dan semula jadi. Kedua, taburan saiz zarah (JPA) tanah liat mestilah kecil dan tidak mengandungi zarah lain yang boleh menyebabkan tersumbat atau calar pada peralatan. Ketiga, tahap kelembapan mestilah sentiasa kering. Akhir sekali, logam toksik dan beban

mikrob mestilah berada pada tahap yang rendah dan memenuhi had yang dibenarkan dalam Peraturan Makanan Malaysia 1985 bagi memastikan ia selamat digunakan (KKM, 2011).

Artikel “*Antibacterial Activity of Soil Water dan Soap Water During Sertu Process*” yang ditulis oleh Syaza Azhar et al., (2020) iaitu mengenal pasti tanah yang terbaik untuk proses sertu. Hasil daripada eksperimen ke atas lima jenis tanah yang berlainan. kajian mendapati tanah liat (S1) terbukti menjadi yang terbaik kerana paling berkesan dari segi membuang bakteria dari najis *mughallazah* berbanding dengan tanah semula jadi yang lain. Sabun tanah liat komersial (S8) juga terbukti dapat meningkatkan kecekapan pembersihannya. Kesimpulannya, proses sertu dapat dilakukan sama ada menggunakan sabun tanah atau tanah liat selagi mana prosesnya mengikut peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang Islam.

Artikel “*Study on the Requirement of Clay for Islamic Cleansing in Halal Food Industry*” yang ditulis oleh Puziah Hashima et al., (2013) adalah kajian mengenai keperluan tanah liat untuk pembersihan Islam kerana ia merupakan kriteria penting untuk penggunaan dalam rantai bekalan makanan halal. Sifat fizik-kimia tanah liat adalah asas dalam menentukan kriteria tanah liat yang sesuai digunakan dalam proses sertu. Pertama, pH mestilah dalam julat sedikit berasid kepada semula jadi (pH 5.01–6.71). Kedua, taburan saiz zarah (JPA) tanah liat mestilah kecil dan halus dalam kajian ini kaolinit adalah tanah liat terbaik kerana mengandungi 89.00% tanah liat dan 10.00% kelodak. Ketiga, kelembapan mestilah dalam julat 1.4-28.7%. Akhir sekali, beban mikroba dan bahan cemar logam toksik mestilah mempunyai kandungan yang lebih rendah dan memenuhi had yang dibenarkan dalam Peraturan Makanan Malaysia 1985

(KKM, 2011).

Ketiga-tiga artikel di atas menerangkan tentang jenis-jenis tanah yang sesuai untuk digunakan semasa proses sertu dalam industri. Akan tetapi, artikel di atas tidak menumpukan maklumat berkaitan dengan proses sertu dari sudut fiqah dan cara pelaksanaannya dalam industri kerana ia berikutan dengan bidang sains. Oleh itu, kajian yang bakal dilaksanakan ini akan menerangkan dengan lebih terperinci berkenaan dengan sertu dari sudut fiqah dan pengaplikasiannya dalam industri.

### **1.7.3 Kaitan Pihak Berkuasa Agama dengan Sertu**

Noorsiah dan sariwati (2016) dalam artikel “*Supply Chain Management: Sertu Cleansing for Halal Logistics Integrity*”, menerangkan secara terperinci berkenaan dengan intergriti halal dalam logistik halal dalam pengurusan rantaian bekalan halal. Berpandukan kepada *Malaysia Halal Standards MS2400:2010* yang berkaitan dengan tiga bahagian saluran jaminan *halalan tayyiban* iaitu pertama, keperluan sistem pengurusan untuk pengangkutan barang dan perkhidmatan rantai kargo. Kedua, gudang dan aktiviti yang berkaitan, dan akhir sekali, peruncitan. Dalam *Standards* ini juga turut menerangkan tentang analisis panduan sertu menurut syariah yang melibatkan bahan mentah (air), produk (tanah), proses (prosedur pembersihan), orang yang melakukan pembersihan dan pengesahan. Terakhir sekali, cara untuk merekodkan proses sertu.

Noor dan Sariwati (2016) dalam artikel “*Factors Influencing Sertu Cleansing Integrity in Halal Logistics*” menumpukan kepada faktor-faktor intergriti pembersihan sertu seperti yang dinyatakan dalam *Malaysian Standards MS1500: 2009* untuk

pengeluaran, penyediaan, pengendalian, makanan halal, dan penyimpanan. Manakala, *Malaysian Standards MS2400: 2010* adalah untuk saluran jaminan *halalan toiyibban* atau dikenali sebagai pengurusan rantai bekalan halal. Faktor pembersihan halal yang mempengaruhi halal integriti produk seperti prosedur sertu, proses atau kaedah pembersihan sertu, orang terlibat dalam aktiviti sertu dan akhir sekali, produk pembersih sertu.

Mohd Mahyeddin et al., (2021) dalam artikelnya yang bertajuk “Amalan Terbaik Pelaksanaan Sertu Dalam Industri Halal di Malaysia” menyatakan beberapa tugas pihak berkuasa berkaitan proses industri sertu di Malaysia. Antara pihak berkuasa yang terlibat adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Antara tugas pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ialah, pertama, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menghasilkan buku “Manual Prosedur Pensijilan Halal” dan “Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam” untuk panduan kepada syarikat semasa melaksanakan proses sertu. Kedua, menerima dan mengurus permohonan halal yang dibuat oleh perusahaan industri. Akhir sekali, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah dipertanggungjawabkan untuk memperakui dan mengiktiraf proses sertu yang telah dijalankan oleh syarikat industri. Seterusnya, tugas yang berkaitan dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) ialah menjalankan audit lapangan, pemantauan dan kawal selia semasa proses sertu dan mengeluarkan sijil pengesahan sertu.

Artikel ini juga memfokuskan tentang keperluan garis panduan khusus bagi setiap skim halal, prosedur dan pengurusan sertu, peluang kerjaya sebagai jurusertu yang

bertauliah, keperluan kepada penganjuran kursus/latihan sertu, cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan proses sertu, fi pengurusan dan khidmat sertu, pangkalan data penyedia perkhidmatan sertu dan inovasi dalam menjalankan sertu. dan akhir sekali, mencadangkan agar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk menambahbaik dan memantapkan garis panduan sertu yang sedia ada.

Artikel di atas menerangkan tentang fungsi-fungsi pihak berkuasa yang terlibat dengan sertu. Namun, terdapat banyak jurang kajian berkaitan dengan pihak berkuasa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) iaitu dalam memantapkan pelaksanaan proses sertu industri. Ini kerana garis panduan yang sedia ada tidak selari dengan keperluan semasa dan tidak mengambil kira kepelbagaian industri yang mempunyai kekangan yang berbeza. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mencadangkan beberapa penambahbaikan garis panduan sertu yang sedia ada berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang bakal dilaksanakan di syarikat Global Dibagh Sdn Bhd. Selanjutnya, kajian ini juga akan menerangkan tentang bidang kuasa pihak berkuasa yang berkaitan dengan proses sertu.

#### **1.7.4 Isu-Isu Sertu**

Noorsiah Ahmad dan Sariwati Mohd Shariff (2016) dalam artikel yang bertajuk “*Challenges on Sertu Cleansing in Halal Logistics*” membincangkan secara terperinci berkenaan dengan cabaran atau masalah dalam melaksanakan pembersihan sertu secara

halal logistik. Penyelidikan ini merangkumi pelbagai pihak termasuk kesedaran sesebuah syarikat untuk sertu, penyelia perkhidmatan, pihak berkuasa halal, kewangan dan lain-lain.

Artikel “Analisis Isu-Isu dalam Pelaksanaan Sertu Industri” yang ditulis oleh Mohd Mahyeddin et al., (2020) menumpukan kepada analisis isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan sertu industri di Malaysia. Hasil kajian dirumuskan dalam tujuh kategori isu iaitu isu pematuhan garis panduan dan fatwa, kefahaman dan pengetahuan, peralatan moden sertu, bahan sertu, penambahan kosmetik agama, pengurusan garis panduan, dan kepercayaan industri terhadap kompetensi Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam pelaksanaan sertu. Kajian ini juga mencadangkan supaya aspek pemantauan sertu diperkembangkan di peringkat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi memastikan agar industri sertu berkembang maju serta mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

“Kerangka Perundangan Sertu Dalam Industri Halal di Malaysia” yang ditulis oleh Mustafa ‘Afifi et al., (2020) menumpukan kepada mengkaji kerangka perundangan sertu di dalam industri halal di Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa isu yang timbul antaranya adalah isu ketidakpatuhan oleh operator sertu terhadap garis panduan dan fatwa sertu, tiada prosedur operasi yang seragam (*Standard operating procedure*) dalam pengurusan sertu oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), dan yang terakhir ialah isu bidang kuasa antara negeri dalam pelaksanaan sertu.

➤ Berdasarkan artikel di atas terdapat dua cabang isu yang dikenal pasti antaranya ialah isu dari sudut melaksanakan sertu secara halal logistik dan pelaksanaan sertu industri

di Malaysia. Namun, isu-isu tersebut masih belum dapat diselesaikan oleh itu kajian ini akan cuba untuk memberikan cadangan penambahbaikan terhadap isu-isu yang timbul.

Oleh itu, kajian ini memilih Global Dibagh Sdn Bhd sebagai syarikat penyelidikan bagi mendapatkan maklumat secara langsung berkaitan dengan kaedah yang diamalkan dalam kesemua industri yang terdapat dalam skim persijilan halal. Dalam pada itu, kajian ini juga akan melihat kepada isu-isu yang berkemungkinan timbul di syarikat tersebut. Agar hasil dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai cadangan penambahbaikan dalam garis panduan sertu.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Menurut *States of the Economic Islamic Report 2018/19*, pasaran global halal diramalkan mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.2 peratus daripada \$ 2.17 trilion pada tahun 2017 kepada \$ 3.07 trilion pada tahun 2023 kerana kadar pertumbuhan penduduk Islam dunia yang tinggi. Perkara ini menyebabkan peningkatan permintaan yang ketara terhadap penggunaan makanan yang disahkan halal (Moon-Young, 2020).

Selanjutnya, menurut akhbar Berita Harian (2020) Malaysia bersedia menjalin kerjasama dengan negara luar, terutama ASEAN untuk meningkatkan industri halal. Malaysia yang merupakan negara yang menerima tempat pertama dalam *Global Islamic Economy Indicator (GIEI) 2019/2020* dan juga adalah peneraju dalam rangka kerja halal global, dalam menentukan standard dan pensijilan telah menyokong perkembangan ini demi meningkatkan dan mengembangkan sektor halal global terutama dalam kewangan, perkhidmatan dan logistik.

Sumbangan daripada hasil kajian ini adalah untuk memberi penerangan tentang proses sertu dalam fiqah dan industri di Malaysia. Selanjutnya, untuk memberi pengetahuan tentang cara sertu yang diamalkan dan isu-isu yang timbul di industri Global Dibagh Sdn Bhd. Akhir sekali, mencadangkan penambahbaikan dalam garis panduan sertu. Kajian ini akan memberi manfaat dan solusi kepada banyak pihak antaranya adalah pemain industri sertu mereka dapat menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan dalam melaksanakan proses sertu di syarikat mereka kerana kajian ini telah meringkaskan perkara berkaitan dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Selanjutnya, memberi pengetahuan tentang proses yang dijalankan oleh syarikat Global Dibagh Sdn Bhd. Pihak berkuasa juga dapat mengenal pasti permasalahan apa yang berlaku dalam industri di Malaysia dan dapat mempertimbangkan cadangan amalan yang telah dikemukakan. Seterusnya, kajian ini juga dapat dikongsi bersama para penyelidik agar mereka menjadikan kajian ini sebagai maklumat tambahan untuk menyelesaikan masalah yang akan datang. Akhir sekali, kepada masyarakat umum agar mereka dapat mengetahui secara ringkas berkenaan dengan proses sertu.

## **1.9 Kesimpulan**

Hasil daripada kajian ini sedikit sebanyak dapat menghilangkan kekusaran sesetengah pihak berkaitan dengan cara dan prosedur yang diamalkan oleh industri ketika melaksanakan proses sertu. Ia juga dapat memberikan kemudahan kepada pihak industri untuk menjadikan hasil penulisan ini sebagai rujukan yang lengkap berkaitan dengan garis panduan sertu yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Bukan itu sahaja, agar hasil daripada kajian ini dapat membuka mata pihak berkuasa terhadap cabaran dan permasalahan yang dihadapi oleh industri sertu dan semoga dapat mewujudkan penambahbaikan dalam industri sertu.

